

## Ulasan/ *Reviews*

### Merdeka 50: A Celebration of Malaysian Art

*Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur*  
*2 Ogos – 16 September 2007*

Sebagai sebuah pameran yang dianjurkan bersempena dengan ulang tahun ke-50 kemerdekaan tanah air, dapat difahami bahawa pameran ini telah cuba mengusulkan sebuah pemerhatian besar berkenaan hal kesenian Malaysia dalam acuan kenegaraan. Secara paling mudah, pameran ini cuba untuk mendedahkan realiti, interpretasi atau tindak balas seniman-seniman tanah air melalui ciptaan karya seni rupa mereka dalam konteks 'sebuah kehidupan' yang berlatarbelakangkan hakikat keMalaysiaan itu. Dengan pemahaman daripada judulnya juga dapat difahami bahawa pameran juga adalah sebuah anjuran peraian kepada seni Malaysia itu dalam konteks kenegaraan. Dengan beberapa anjuran yang boleh diusulkan daripada pemerhatian luar berkaitan gagasan, konsep atau hala tuju, maka harapan pameran ini dari segi idea, konteks dan bentuknya adalah besar. Hal ini kerana, ia secara jelas telah menemukan atau mempertembungkan usul-usul yang besar di antara seni dan kenegaraan bagi seniman di Malaysia. Puncak kepada hal-hal ini tentunya akan merujuk kepada karya-karya seni yang telah dipamerkan sebagai bahan bukti utama.

Sebanyak 67 buah karya yang telah dipamerkan mewakili sebuah cerita besar tentang kecanggihan seni apabila ia dijenamakan dalam konteks kenegaraan Malaysia. Kemerdekaan Malaysia sejak tahun 1957 telah dijadikan asas kepada peraian seni dalam konteks sosialnya. Pelbagai galuran, *siratan atau kisah telah dipaparkan oleh karya-karya seni tersebut. Seiring dengan tajuknya, pameran ini dilihat cuba untuk memberi rona warna seni dalam perjalanan atau dalam kehidupan sebuah negara.* Pemilihan seniman dari pelbagai generasi, latar belakang dan pendekatan bagi pameran ini telah membuktikan bahawa himpunan kisah daripada pelbagai cerita berkemungkinan besar boleh menjelmakan sebuah cerita bermakna yang terhasil daripada kepekaan kehidupan yang dialami dalam ruang sosial tertentu. Namun tujuan seni pula sebaliknya bukanlah hanya berminat untuk mencari

atau mengusulkan kebenaran hakiki semata-mata. Namun kepelbagaian generasi, latar belakang dan pendekatan seni belum tentu dapat menjamin sebuah penyatuan yang padan dan signifikan. Walau apa pun, Negara Malaysia yang telah 50 tahun merdeka dengan 67 orang seniman, mengetengahkan daya kreasi kreatif mereka dalam lingkungan sosial dan politiknya melalui pameran ini haruslah difahami dengan sebuah unjuran bahawa karya-karya itu telah menjadi saksi dan bukti yang memberi citra kepada realiti canggih tersebut.

Namun tahap frekuensi citra terbabit adalah relatif. Ahli fotografi Ismail Hashim, secara bijak telah memberi suatu lontaran sosial berbau humor dan sinis berkenaan kecenderungan ikutan semasa melalui karyanya yang bertajuk *Meraikan Trend-Trend*. Tanda-tanda peraian tersebut terpapar dalam ragam kepenggunaan semasa yang senantiasa menagih ikutan terkini tanpa menghitung relevansi atau konteksnya. Penggunaan tiang kolum ala romawi dan ikutan membela ayam serama contohnya, telah memberi kilauan warna yang pelbagai dan meriah dalam perspektif ini. Maka secara sosialnya, hal inilah yang dikaitkan sebagai sebuah peraian ikutan atau trend yang mencorakkan cita rasa masyarakat setempat.

Tetapi contoh itu tidaklah boleh diberi justifikasi keserupaan nada dengan karya oleh seniman seperti Tang Hon Yin, Sanip Lasman, Sabri Idrus, Syed Ahmad Jamal, Tajuddin Ismail, Roskang Jailani, Victor Chin atau Anuar Rashid yang berlanggam abstrak dan membasmi segala rujukan hal benda. Lalu, soal relevansi karya abstraksi dalam konteks pameran ini boleh diperdebatkan pula jika diukur dalam konteks realiti kampung oleh seniman seperti Tay Mo Leong, Rafie Abdul Rahman, Osman Akbar atau Mansor Haji Ghazali. Maka isu pengertian atau signifikansi dan representasi imej telah begitu menghambat sekali jika perhitungan dibuat berdasarkan ideologi asas kepada pameran ini iaitu seni dan kenegaraan. Mungkin pula ia menjadi lebih canggih dengan rentak leluhur dan kepercayaan oleh Mohd Raduan Man, Mohamed Najib Ahmad Dawa, Sharifah Fatimah Zubir dan Mohamed Din Mohamed. Di antaranya muncul pula lontaran kuat dari ruang sejarah kolonialisme negara melalui karya Zulkifli Yusoff yang bertajuk *Amok di Pasir Salak 1 (Tempoyak dan Whiskey)*. Karya ini telah mengheret soal ruang masa dalam pemahaman kenegaraan yang senantiasa bergelora jika dipertimbangkan dari aspek jati diri. Pada karya ini, episod J. W. W. Birch adalah episod luka yang diberi tafsiran dan refleksi baru dalam konteks semasa.

Dalam keadaan ini, persoalan makna bererti kepada kita sebagai pemerhati berdasarkan konteks sosial pameran amatlah relatif sekali. Tetapi ia tidak boleh menepis isu asas yang timbul atau memang telah timbul daripada pameran ini. Inikah bentuk seni Malaysia? Inikah bentuk-bentuk seni Malaysia yang bebas merdeka? Apakah makna warisan seni Malaysia dalam konteks ini? Siapakah seniman Malaysia dalam konteks kenegaraan? Inikah bukti seni kepada Malaysia yang telah 50 tahun merdeka? Jika benar, apakah maknanya kepada pemerhati? Adakah pemerhati itu terlatih dan peka dengan anasir seni dan lingkungan konteks sosial pameran? Atau soal keseluruhan isu pameran sebenarnya terletak kepada bahu seniman kerana merekalah yang mencipta imej tersebut. Adakah mereka sedar, peka dan faham dengan kitaran realiti seni, kenegaraan, sosial yang mengakibatkan karya mereka terhasil? Atau ia tidak sepenting mencurahkan realiti batin seniman terbabit yang hidup dalam realiti sosial itu sendiri. Bukankah mereka adalah seniman tempatan yang hidup dan bernafas dalam langgam budaya Malaysia yang merdeka ini? Namun, soal yang lebih besar ialah adakah ia bererti dan bermakna secara benar dan menyeluruh dalam konteks seni dan kenegaraan seperti yang disebutkan pada awal tadi.

Hubungan di antara konsep kenegaraan dan seni adalah canggih. Lebih-lebih lagi bagi sebuah negara seperti Malaysia yang mempunyai sejarah dan kemajmukan masyarakat yang boleh disifatkan sebagai penuh warna-warni. Dalam konteks pameran ini apa yang jelas diusulkan melalui karya seniman yang dipamerkan adalah sebuah cerita kepelbagaian realiti. Wujud banyak warna, lagu atau suara. Tetapi pameran ini bukanlah bersifat definitif. Ia mungkin sebuah konstruksi suara daripada beberapa suara. Ia bukanlah anjuran suara yang paling adil dan benar mewakili semua suara atau realiti suara yang sebenar kerana kita boleh bertanya pula siapakah yang bersuara dan dari mana asas dia bersuara.

Lima puluh tahun kemerdekaan bagi Malaysia adalah realiti kini, namun citra realiti itu tak mudah dipantulkan secara paling benar. Ruang dan masa boleh disukat namun realiti batin adalah terlalu canggih untuk diukur. Seni pula termasuk dalam kategori kedua itu. Melalui pameran ini, seni telah cuba difahami melalui jenama sosial terbabit tetapi perdebatan ini mungkin tidak berakhir kerana seni melalui apa yang dipamerkan itu sebenarnya adalah juga realiti dalam tahap-tahapnya yang tersendiri. Realiti seni, falsafah politik dan realiti kenegaraan adalah kitaran asas yang berputar lewat

karya-karya yang dipamerkan. Maka pameran ini mungkin boleh menjawab satu siratan daripada gerombolan siratan yang diusulkan itu. Namun sebaliknya, ia mungkin pula akan mengusulkan lebih banyak persoalan berbanding jawapan.

**Safrizal Shahir**

*Universiti Sains Malaysia*



Foto 1 Karya Ismail Hashim,  
*Meraikan Trend-Trend*




Foto 2 Karya Zulkifli Yusoff, *Amok di Pasir Salak No. 1*